



KONVENSYEN INOVASI & KREATIVITI FARMASI



KIKF 2017



Pada 6-8 Ogos 2017, Konvensyen Inovasi & Kreativiti Farmasi (KIKF) 2017 telah diadakan di Klana Resort, Seremban. Sebanyak 7 projek/kajian dari Melaka telah terpilih dimana Jabatan Farmasi, Hospital Melaka mempertaruhkan projek Hipster Bench '17 (kategori Inovasi) dan EasyShelf (kategori KIK). Negeri Melaka telah muncul sebagai Naib Johan Keseluruhan .

Antara kemenangan yang telah diperolehi adalah Johan Anugerah Pengurusan Penggunaan Ubat Yang Optimum (Hospital Melaka), Naib Johan Anugerah Inisiatif Penggunaan Ubat Berkualiti (BPFM), Johan Anugerah Perkhidmatan DMTAC (KK Peringggit) dan Johan Kategori QA Lisan (CPFM). Sekalung tahniah buat pasukan Farmasi negeri Melaka terutama sekali ahli kumpulan FARHM dan i-Pharm yang telah membuat persembahan terbaik dalam konvensyen kali ini.

Semoga kemenangan dalam Konvensyen ini dapat menyuntik amalan dan budaya berinovasi dalam meningkatkan mutu perkhidmatan Farmasi terhadap masyarakat.

